

25/10/1998

Sekali lagi Malaysia tutup mulut pengkritik

Khaidir Abdul Majid; Kadir Dikoh

BIASANYA pengkritik kerusi empuk di New York, mahu pun di Singapura atau Hong Kong diberi ruang yang besar dalam akhbar atau televisyen antarabangsa. Komen mereka kerap diambil sebagai kebenaran kerana tidak langsung diimbangkan dengan pendapat daripada pihak bertanggungjawab.

Contohnya isu yang berhubung kedudukan ekonomi negara kita. Ramai pengkritik atau penganalisis ini apabila dihubungi media antarabangsa untuk mendapat komen, dengan asas yang mungkin boleh kita pertikaikan, menelaah prestasi ekonomi negara ini dan lazimnya apa yang diunjurkan amat negatif.

Kadangkala, kita tertanya apakah penganalisis ini boleh dipercayai atau apakah kita sepatutnya lebih yakin kepada pengurus ekonomi kita sendiri? Apa sekalipun jawapan kita, setiap kali Laporan Ekonomi Negara dikeluarkan, jelas penganalisis antarabangsa ini terbukti salah.

Misalnya, soal kadar inflasi. Sebelum ini ramai penganalisis asing menjangkakan kadar inflasi Malaysia akan berada pada tahap dua angka tahun ini. Hakikatnya, Laporan Ekonomi 1998/99 yang diedarkan Jumaat lalu bersama-sama pembentangan Belanjawan Negara 1999, melaporkan kadar inflasi negara pada 5.2 peratus saja tahun ini berbanding 2.7 peratus pada 1997.

Meskipun ada penganalisis yang berkata Malaysia akan melihat kes pembuangan pekerja yang tinggi seperti di negara jiran, Laporan Ekonomi itu melaporkan kadar pengangguran pada 1998 pula, hanya pada 4.9 peratus berbanding 2.6 peratus tahun lalu. Kadar itu bukanlah tinggi kerana mengikut standard antarabangsa empat peratus dianggap full employment atau tahap pekerjaan sepenuhnya.

Belanjawan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu, tidak kurang juga akan dikritik oleh penganalisis antarabangsa.

Namun negara ini tetap perlu melakukan apa yang perlu dilakukannya. Berikutan itu, belanjawan yang dicadangkan kali ini banyak meneruskan usaha mencergaskan semula pertumbuhan ekonomi negara yang berada dalam kemelesetan.

Selepas memperkenalkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara dan dasar kewangan yang lebih longgar masing-masing sejak Ogos dan September lalu, kerajaan membentangkan belanjawan yang kurang membebankan rakyat tetapi pada masa yang sama mampu merangsang pertumbuhan ekonomi.

Dengan memberi penekanan kepada sektor swasta, matlamat utama belanjawan kali ini yang diunjurkan mengalami defisit kira-kira RM16 bilion, adalah untuk membebaskan negara daripada belenggu kemelesetan dengan sasaran mencatat pertumbuhan positif satu peratus menjelang tahun depan.

Pendapatan kerajaan tahun ini menguncup 14.3 peratus kepada RM47.16 bilion, dengan perbelanjaan pembangunan dipotong 10 peratus kepada RM16.25 bilion.

Bagi memastikan belanjawan pada masa akan datang tidak mengalami defisit, kerajaan terpaksa 'berlembut' dengan tidak membebaskan swasta yang selama ini memainkan fungsi sebagai penggerak ekonomi negara.

Sejak kegawatan ekonomi tercetus, swasta sudah tidak bermaya untuk memainkan fungsi itu kerana banyak syarikat bukan saja mencatat kerugian malah sesetengahnya terpaksa gulung tikar.

Jadi, tidak hairan apabila kerajaan tidak mengenakan pelbagai kenaikan cukai terhadap swasta serta mengekalkan cukai korporat pada kadar 28 peratus.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas membentangkan belanjawan itu, Dr Mahathir berkata Belanjawan 1999 bertujuan untuk memudahkan pemulihan sektor swasta.

"Kami menyokong perniagaan dari segenap segi. Kami mahu mereka mengaut keuntungan dan tidak mahu mereka dibebani dengan cukai, pinjaman tidak berbayar dan perkara lain berkaitan," katanya.

Belanjawan itu, antara lain mengandungi beberapa insentif cukai bagi syarikat dagangan, firma amanah saham, pekilang, syarikat insurans hayat dan syarikat berkaitan pelancongan.

"Seperti yang saya sering tekankan kepada rakyat... apabila perniagaan mengaut keuntungan, 28 peratus akan menjadi milik kerajaan. Apabila mereka rugi seperti pada tempoh enam bulan pertama tahun ini, kerajaan akan mengalami defisit," kata Perdana Menteri.

Belanjawan kali ini, turut meneruskan usaha luar belanjawan untuk memperkukuhkan institusi perbankan negara yang sudah banyak terjejas berikutan kejatuhan teruk pasaran mata wang dan saham.

Malah, sektor kewangan dan perbankan adalah antara kumpulan sasaran yang mendapat manfaat besar daripada belanjawan ini.

Antara manfaat yang diperolehi ialah cadangan 50 peratus pendapatan faedah dalam akaun `faedah digantung' (interest in-suspense) tidak akan diambil kira sebagai pendapatan untuk tujuan pengiraan cukai.

Ini melegakan industri perbankan tempatan kerana cadangan itu dijangka memberi kesan positif secara keseluruhannya yang boleh memperbaiki daya keuntungan bank dalam keadaan ekonomi sekarang.

Langkah itu dirasakan perlu memandangkan tahap pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan sekarang. Ini akan mempertingkatkan aliran tunai syarikat kewangan yang kebelakangan ini menghadapi detik pahit kekangan kredit serta kadar faedah tinggi.

Pada masa ini, pinjaman yang bayaran ansuran pokok atau faedahnya tertunggak untuk tempoh enam bulan atau lebih adalah dikategorikan sebagai NPL. Faedah NPL ini akan dimasukkan di bawah akaun `interest in-suspense'.

Dari segi layanan cukai, pendapatan faedah di bawah akaun itu adalah dikenakan cukai berdasarkan prinsip terakru. Ini bermakna, institusi kewangan perlu membayar cukai ke atas pendapatan di bawah akaun `interest in-suspense' walaupun pendapatan itu sebenarnya belum lagi diterima.

Satu lagi langkah yang memberi faedah kepada industri berkenaan ialah apabila cadangan mengenai pengecualian cukai duti setem dan cukai keuntungan hartanah sebenar berkaitan dengan penggabungan.

Pengecualian itu, yang diberikan bagi penggabungan yang diselesaikan mulai 24 Oktober 1998 dan 30 Jun 1999 yang bertujuan mengurangkan kos penggabungan, menggambarkan kesungguhan kerajaan supaya proses penggabungan 39 syarikat kewangan sekarang diselesaikan menjelang pertengahan tahun depan.

(END)